

19 SEP 2001

Fong-Cuti

MAJIKAN WAJIB BERI CUTI KEPADA PEKERJA SABTU INI

PUTRAJAYA, 19 Sept (Bernama) -- Semua majikan wajib menerima Sabtu ini sebagai hari cuti kelepasan am dan memberi cuti bergaji kepada pekerja-pekerja mereka, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn.

"Adalah diharapkan semua majikan memberi cuti am bergaji pada 22 Sept kepada semua pekerja mereka kecuali atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, mereka boleh meminta pekerja untuk bekerja," katanya.

Bagaimanapun, katanya, majikan yang berbuat demikian perlu menggantikan cuti tersebut dengan hari lain atau membayar gaji mengikut kadar dua kali ganda daripada gaji biasa.

Fong berkata demikian berikutan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengisytiharkan Sabtu ini sebagai hari cuti umum sempena menyambut kejayaan Malaysia menjadi juara keseluruhan Sukan SEA ke-21, baru-baru ini.

"Perkara ini adalah diwajibkan di bawah Seksyen 60D (1)(b) Akta Kerja 1955 dan saya mengisytiharkan bahawa 22 Sept ini sebagai hari cuti di Semenanjung," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan kementerian itu di sini, hari ini.

Katanya bagi pekerja di Sabah dan Sarawak, satu pengisytiharan akan dibuat atas kuasa Menteri Sumber Manusia untuk mewajibkan majikan mengiktiraf cuti tambahan seperti ini.

Di bawah Akta Kerja 1955, mana-mana majikan yang tidak memberi cuti am bergaji pada hari Sabtu ini melakukan kesalahan yang boleh didakwa di mahkamah dan didenda tidak lebih daripada RM10,000, bagi setiap kesalahan.

Fong sebelum itu menyaksikan demonstrasi Sistem Pendaftaran dan Penempatan Kerja dan Sistem Sokongan Produktiviti Pejabat bagi projek Electronic Labour Exchange (ELX).

ELX merupakan satu projek untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan Kementerian Sumber Manusia kepada masyarakat dengan penyediaan kemudahan penjodohan pencari kerja dengan kekosongan jawatan secara on-line menerusi internet.

Setakat ini, projek ELX meliputi tiga komponen iaitu Sistem Pendaftaran dan Penempatan Kerja, Sistem Maklumat Pasaran Buruh dan Sistem Sokongan Produktiviti Pejabat.

"Dengan adanya kemudahan ELX ini, pencari-pencari kerja dapat mencari pekerjaan yang lebih sesuai dengan kelayakan serta kebolehan mereka, manakala para majikan dapat mengiklankan kekosongan jawatan dan mencari pekerja yang sesuai," katanya.

Beliau berkata, oleh kerana sistem ini juga dapat diakses di peringkat antarabangsa, ia dijangka dapat memudahkan para graduan di luar negara untuk mencari kerja sebelum pulang ke tanah air.

Selain itu, ia juga diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap pasaran buruh tempatan kepada para majikan dan juga pelabur asing, kata beliau.

Berbanding dengan laman web, ELX merupakan satu saluran mencari dan menawarkan pekerjaan yang lebih rasmi. Aplikasi elektronik kementerian ini dijangka beroperasi sepenuhnya awal tahun depan.

-- BERNAMA

SNS KHY ZB